

16 JUL 2000

Mahathir-Pelampau

KERAJAAN AKAN MENGAWASI KUMPULAN PELAMPAU, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 16 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan mengawasi kumpulan pelampau agama dan kaum yang menghasut penganut satu agama membenci penganut agama lain dan satu kaum memusuhi kaum lain.

"Pekara ini sudah menjadi isu keselamatan dan jika tidak dibendung ia boleh mengancam perpaduan dan menghancurkan kemakmuran negara," kata Perdana Menteri pada jamuan makan tengah hari pelbagai kaum untuk meraikan lawatan beliau dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke Sarawak.

Kerajaan tidak akan membenarkan sesiapa pun menggunakan isu agama dan perkauman yang boleh memecahbelahkan perpaduan kaum yang telah dipupuk sejak merdeka oleh kerajaan Perikatan dan kini Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata terdapat kumpulan tertentu yang telah lama bergerak menghasut dan menanam perasaan benci rakyat terhadap kerajaan.

"Akhirnya golongan ini mempunyai perasaan benci yang sangat kuat sekali sehingga tidak boleh berfikir dengan waras lagi," katanya

Mujurlah hanya sebilangan kecil saja rakyat yang berjaya diperdayakan oleh mereka, sementara sebahagian besar rakyat lagi tetap mahu hidup dalam keadaan aman, damai dan saling berkerjasama antara satu sama lain.

Dr Mahathir berkata kumpulan Al-Ma'unah adalah satu kumpulan pelampau yang mentafsir ajaran agama Islam dengan fikiran sempit sehingga sanggup membunuh dua anggota pasukan keselamatan yang masing-masing beragama Hindu dan Kristian.

"Islam tidak mengajar umatnya untuk membenci penganut agama lain apa lagi membunuh mereka," katanya.

Oleh kerana tafsiran agama yang sempit, mereka sanggup membunuh anggota pasukan keselamatan yang menjaga kemasukan dan keselamatan termasuk kaum keluarga kumpulan pelampau itu sendiri.

"Tragedi tidak harus dibiarkan berlalu melainkan kita mengambil iktibar bahawa setiap tindakan yang melampau akan menggugat perpaduan, keamanan dan kestabilan negara kita," katanya.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Sarawak juga berkata, rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan kebudayaan sebaliknya harus bersikap toleran antara satu sama lain.

"Inilah falsafah Kerajaan BN dan falsafah yang dipegang oleh 14 parti komponen BN yang bertindak bersama untuk memajukan negara," katanya.

BN memberikan tempat kepada semua kaum yang terdapat di negara ini untuk mengambil bahagian dalam pemerintahan negara, katanya.

"Dengan cara ini kita kekal hidup aman damai kerana kita anggap bahawa semua orang Malaysia mempunyai hak yang sama di negara ini," katanya.

Dr Mahathir meminta rakyat terus bersatu padu kerana dengan cara ini sajalah negara dapat terus dibangunkan dan dapat menghadapi ancaman termasuk dari luar seperti serangan ekonomi tiga tahun lepas.

-- BERNAMA

MT PR